ANGKATAN MASA HADAPAN: BENTENG PERTAHANAN NEGARA KHUTBAH JUMAAT KHAS SEMPENA HARI ATM KE-91

الْحَمْدُ لِللهِ اللَّهِ اللَّهِ الْمُقْبِلِيْنَ إلَيْهِ بِفَصْلِهِ إِلَى الْمَرَاتِبِ الْعَلِيَّةِ. وَبَلَّعَهُمْ بِبَرَكَةِ نَبِيِّهِ كُلَّ أَمْنِيَّةٍ. وَآلِهِ وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَى حَبِيْنِنَا مُحَمَّدٍ الْعَبْدِ الصَّالِحِ الْقَائِمِ بِمَا اسْتَطَاعَ مِنْ حَقِّ الرُّبُوْبِيَّةِ. وَآلِهِ وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَى حَبِيْنِنَا مُحَمَّدٍ الْعَبْدِ الصَّالِحِ الْقَائِمِ بِمَا اسْتَطَاعَ مِنْ حَقِّ الرُّبُوبِيَّةِ. وَآلِهِ وَصَحْبِهِ خَيْرِ الْبَرِيَّةِ. أَشْهَدُ أَنْ لاَ اللهُ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّداً وَصَحْبِهِ خَيْرِ الْبَرِيَّةِ. أَشْهِدُ أَنْ لاَ اللهُ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ. وَأَشْهِدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّداً صَاحِبُ الْأَخْلَاقِ السَّنِيَّةِ. اللَّذِيْ لاَ نَبِيَّ بَعْدَهُ. أَمَّا بَعْدَ ... فَيَا عِبَادَ اللهِ. أَوْصِيْنِي نَفْسِيْ وَإِيَّاكُمْ مَا اللهُ تَعَادَ اللهِ. أَوْصِيْنِي نَفْسِيْ وَإِيَّاكُمْ مِنَا عَبَادَ اللهِ. أَوْصِيْنِي نَفْسِيْ وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللهِ. فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللهُ تَعَالَى فِيْ كِتَابِهِ الْكَرِيْمِ...

وَمَاكَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُواْكَآفَةٌ فَلَوَلَا نَفَر مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُواْ فِي ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُواْ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُواْ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحُذَرُونَ

Hadirin Para Tetamu Allah Sidang Jumaat sekalian...

Marilah kita bersama-sama gandakan ketakwaan dengan menekuni kalam Allah SWT yang bermaksud, "Tidak sepatutnya orang-orang mukmin pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa sebahagian dari setiap golongan di antara mereka tidak pergi (tinggal bersama Rasulullah) untuk memperdalam pengetahuan agama mereka dan memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali agar mereka dapat menjaga dirinya?" (Surah at-Taubah: 122)

Syeikh Muhammad Mahmud al-Hijazi menjelaskan bahawa memperdalami ilmu, kewajipan berjihad dan mempertahankan tanahair adalah suatu kewajipan suci bagi umat secara keseluruhannya. Malah para ulama menekankan bahawa tanahair atau sesebuah

negara amat memerlukan orang yang berjuang dengan hujah keilmuan dan dalam masa yang sama ada orang yang berjuang dengan mata pedang atau apa sahaja senjata dan itulah kita, Warga Angkatan Tentera Malaysia.

Warga Angkatan Tentera Malaysia dan Hadirin Sidang Jumaat Sekalian...

Kita akan menyambut Hari Angkatan Tentera Malaysia Ke-91 pada tanggal 16 September ini dengan bertemakan "Angkatan Masa Hadapan: Benteng Pertahanan **Negara**". Selaku warga ATM yang menjadi *Lambang Perkasa* dan *Benteng Pertahanan* Negara dengan sifat ketaatsetiaan kita yang tidak berbelah bahagi bernaung di bawah dirgahayu Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, maka dengan air mata dan darah kitalah yang terawal dan terakhir dalam mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan kepentingan negara Malaysia yang tercinta ini. Kita (warga ATM) perlu bergerak seampuh mungkin untuk mendepani ancaman dan cabaran strategik global yang begitu kompleks hari ini berbanding dengan dekad-dekad sebelumnya. Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama menetapkan tekad untuk melaksanakan agenda transformasi Angkatan Tentera Malaysia. Usaha ini bertujuan merealisasikan pembentukan Angkatan Masa Hadapan menjelang tahun 2030 melalui inisiatif Reformasi Angkatan 30 dan pelaksanaan strategi Cegah Rintang Berpadu. Dengan langkah ini, kita akan turut sama merealisasikan aspirasi kerajaan dalam memperkukuhkan pertahanan negara serta mempertingkatkan ketahanan nasional.

Hadirin sekalian dan Warga Angkatan Tentera Malaysia Peneroka Angkatan Masa Hadapan...

Bagi merealisasikan Reformasi Angkatan 30 untuk mendukung visi pertahanan dan kepentingan negara berdaulat, selamat dan makmur maka Angkatan Tentera Malaysia telah menggariskan 6 ciri utama yang perlu ada kepada Angkatan Masa Hadapan iaitu kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, berorientasikan misi, keupayaan operasi serentak di dua wilayah dan dukungan logistik yang lengkap. Melihat, meneliti serta mengamati akan ke enam-enam ciri Angkatan Masa Hadapan ini maka wajarlah saya mempertuturkan di sini bahawa kita sedang menyesuaikan ketumbukan tentera kita dengan kalam Allah SWT di dalam al-Quran yang berbunyi;

Maksudnya, "Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang- orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya tetapi Allah mengetahuinya." (Surah al-Anfal: 60)

Muslimin Sidang Jumaat sekalian...

Datuk nenek dan moyang kita dahulu mempertahankan tanahair ini dengan airmata pahlawan dan darah satria, walaupun jatuh jua ke tangan manusia penjajah, namun akhirnya kemerdekaan dicapai jua melalui mata pedang dan juga mata pena. Alangkah terperinya oleh kita, bahawa sejarah merdeka tanahair ini bagaikan kata pepatah Melayu yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Oleh itu, kewajipan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara ini bukan hanya milik warga angkatan tentera sahaja bahkan ia milik dan kewajipan kita semua.

Inilah juga yang menjadi gagasan harapan dan impian Angkatan Masa Hadapan agar pemantapan kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia dan Awam atau disebut sebagai Whole of Government and Whole of Society (WoGos) yang membabitkan keseluruhan agensi kerajaan, swasta dan awam bagi mendokong konsep Pertahanan Komprehensif dan Keselamatan Menyeluruh (Comprehensive Security). Maka kesepaduan sebegini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah: 2 yang bermaksud:

"...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan dan bertakwalah kepada Allah..."

Dengan ayat Allah Taala itu, marilah kita mengakhiri khutbah sempena Hari ATM Ke-91 hari ini dengan suatu tekad yang padu dan azam yang jitu, tentera yang bersenjata dan warganegara yang berjiwa merdeka untuk turut serta dan bersama kami dalam membina sebuah **Angkatan Masa Hadapan: Benteng Pertahanan Negara**. Negara Kita Tanggungjawab Kita.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِيْ القُرْءَانِ العَظِيْمِ.. وَنَفَعنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الحَكِيْمِ .. وَتَقَبَّلَ مِنْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ... أَقُولُ قَوْلِي هذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ... وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالمُؤْمِنِيْنِ وَالمُؤْمِنِيْنِ وَالمُؤْمِنَاتِ... فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِيشْ.